



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
PENULISAN KARANGAN DALAM MENINGKATKAN
KUALITI KARANGAN PELAJAR MENENGAH
ATAS: SATU TINJAUAN**

NOORHAYATI BINTI MUSHROOM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BAHASA MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2010



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

11 April 2010



NOORHAYATI BINTI MUSHROOM
M20071000113



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat jua kertas projek ini disempurnakan. Penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Dr. Hj. Mohd Rashid Md Idris selaku penyelia projek ini, yang telah memberi bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar kepada penulis dalam menyiapkan kertas projek ini.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah di Fakulti Bahasa, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Tat Beng, guru-guru dan para pelajar yang telah memberikan kerjasama dalam menyiapkan kertas projek ini.

Akhirnya, penghargaan dan terima kasih ditujukan juga kepada bonda, suami dan anak-anak yang sudi berkorban masa sepanjang tempoh pengajian penulis di UPSI. Terima kasih juga kepada teman-teman seperjuangan yang banyak memberi dorongan dan semoga setiap ilmu yang kita pelajari dapat dimanfaatkan demi kebaikan sesama insan.





ABSTRAK

Kajian ini tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan dalam meningkatkan kualiti karangan pelajar menengah atas. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik. Seramai 233 orang pelajar dari salah sebuah sekolah di Daerah Larut Matang dan Selama dipilih sebagai responden. Empat orang guru juga dipilih bagi mengisi borang data. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah ciri-ciri demografi, iaitu jantina, gred, masalah pelajar, latihan penulisan, aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Pemboleh ubah bersandar ialah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan dalam meningkatkan kualiti karangan pelajar. Kajian ini bertujuan melihat masalah-masalah pelajar dalam pembelajaran penulisan karangan, teknik pengajaran yang berkesan dalam meningkatkan kualiti karangan pelajar dan hubungan antara kekerapan latihan dengan pencapaian pelajar serta hubungan antara teknik pengajaran yang digunakan oleh guru dengan pencapaian pelajar. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian komputer melalui program SPSS *version* 11.0. Seterusnya, data dianalisis mengikut min, sisihan piawai, pangkatan, frekuensi, peratus dan *Kolerasi Pearson*. Dapatan-dapatan utama menunjukkan masalah utama pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran penulisan karangan adalah dari segi huraian isi karangan. Dapatan juga menunjukkan bahawa teknik perbincangan berkumpulan dapat membantu pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran penulisan karangan. Seterusnya, dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kekerapan latihan dan penggunaan teknik pengajaran dengan pencapaian pelajar.





ABSTRACT

This research is about the effectiveness of teaching and learning composition writing in achieve higher quality of composition writing among the students in secondary school. The research is in the form of questionnaires responded by 233 students from secondary school in Larut Matang and Selama district, Perak chosen as respondents. Four teachers have chosen to fill the data form. Independent variables used are demography, sex, grade, problems, writing excersice, activity or technique that used in teaching and learning compositon writing, and the dependent variable is the efectiveness of techniques that have been used in teaching and learning compositon writing. The objective of this survey is to looks into the problems in composition writing and the effective technique to upgrade the quality of composition writing among the secondary students. This research also looks into the relationship between the frequent of writing excersice and students achieving in composition writing, and relationship between the teaching technique that have been used by teachers in teaching composition writing with students achieving in composition writing. The data obtained was analysed with the aid of the SPSS version 11.0 computer programme according to mean, standard deviation, ranking, frequency, percentage and Pearson Correlation. The result of the survey indicated that the major problem in composition writing is to expand the contents of composition. The result also shows that the group discussion technique be able to help students in composition writing. Finally, the result indicated that there is significant relationship between the frequent writing excersice and teaching technique and to students achievement.



KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI SINGKATAN	xi
BAB I	PENDAHULUAN
1.1	Pengenalan 1
1.2	Permasalahan Kajian 5
1.3	Objektif Kajian 9
1.4	Soalan-soalan Kajian 9
1.5	Hipotesis Kajian 10
1.6	Kepentingan Kajian 10
1.7	Batasan Kajian 11
1.8	Definisi Istilah 11
BAB II	TINJAUAN LITERATUR
2.1	Pengenalan 14
2.2	Kajian Berkaitan Penulisan Karangan 14
2.3	Rumusan 23
2.4	Kemahiran-kemahiran Mengarang 23

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka bentuk Kajian	35
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	36
3.4	Alat Kajian	37
3.5	Prosedur Kajian	37
3.6	Analisis Data	38
3.7	Rumusan	38

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	39
4.2	Latar Belakang Responden	40
	4.2.1 Maklumat responden pelajar berdasarkan ciri demografi	40
4.3	Analisis Dapatan Kajian	42

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	58
5.2	Perbincangan kajian	58
5.3	Kesimpulan	68
5.4	Implikasi Kajian	69
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	70

5.6	Penutup	71
-----	---------	----

RUJUKAN	73
---------	----

LAMPIRAN	77
----------	----

A	Surat kebenaran menjalankan kajian daripada sekolah
B	Soal selidik untuk guru-guru
C	Borang Data Guru
D	Analisis Data

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
4.1	Bilangan responden pelajar berdasarkan jantina	40
4.2	Bilangan responden pelajar berdasarkan bangsa	41
4.3	Bilangan responden pelajar berdasarkan gred bahasa Melayu PMR	41
4.4	Masalah-masalah dalam pembelajaran penulisan karangan	43
4.5	Pembelajaran penulisan isi karangan	44
4.6	Pembelajaran pendahuluan karangan	45
4.7	Pembelajaran penutup karangan	46
4.8	Aktiviti perbincangan kumpulan	47
4.9	Aktiviti sumbang saran	48
4.10	Aktiviti soal jawab	49
4.11	Aktiviti pembelajaran akses sendiri	50
4.12	Pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan yang berkesan	51
4.13	Hubungan antara kekerapan latihan dengan peningkatan kualiti karangan	53
4.14	Hubungan antara teknik pengajaran yang digunakan oleh guru dengan pencapaian pelajar	54



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

4.14.1 Teknik perbincangan kumpulan dengan pencapaian pelajar	54
4.14.2 Teknik soal jawab dengan pencapaian pelajar	55
4.14.3 Teknik sumbang saran dengan pencapaian pelajar	55
4.14.4 Teknik pembelajaran akses sendiri dengan pencapaian pelajar	56



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

SMK

Sekolah Menengah Kebangsaan

P

Paras signifikan

R

Pekali korelasi

%

Peratus

<

Kurang daripada





BAB 1

PENDAHULUAN




1.1 Pengenalan

Penulisan adalah salah satu keterampilan berbahasa yang tidak memerlukan komunikasi secara tampak. Kegiatan menulis boleh digolongkan juga sebagai kegiatan yang ekspresif dan produktif. Menurut Za'ba (1965: 1), mengarang bermaksud membuat beberapa ayat yang mempunyai perhubungan dan dapat menceritakan sesuatu perkara atau sesuatu hal. Lantaran itu, penulisan karangan merupakan komponen yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah dan sekolah menengah. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah-sekolah, Abdul Aziz (1988: 3) menyatakan beberapa subkemahiran yang perlu diliputi dan perlu diajar kepada pelajar-pelajar secara formal. Antara subkemahiran bahasa yang perlu dikuasai dan diajar kepada para pelajar ialah



kemahiran memahami tajuk karangan, mengenal pasti bakal pembaca, memikirkan tentang isi, merangka dan menyusun isi, kemahiran asas bahasa seperti tatabahasa, pemilihan kata, struktur dan gaya, dan aspek-aspek mekanis penulis seperti ejaan, tanda baca, kebolehbacaan tulisan tangan dan pemerenggan. Gagasan kemahiran menulis ini dapat dilihat melalui rajah yang digambarkan oleh Raimes (1983 : 6) dalam rajah 1:

Rajah 1: Sub-sub Kemahiran Mengarang



(Diubahsuai daripada Raimes, 1983 :6)

Rajah ini menggambarkan kemahiran-kemahiran mengarang yang perlu dikuasai oleh pelajar. Pelajar akan dapat menghasilkan penulisan yang jelas, menarik dan berkesan jika mereka mampu menguasai sub-sub kemahiran yang digambarkan oleh Raimes tersebut. Kebolehan seseorang menyusun idea-idea dalam penulisan adalah penting supaya bersesuaian dengan tajuk dan dapat difahami oleh pembaca.

Sehubungan dengan itu, sebelum pelajar-pelajar mula menulis dan mengeluarkan buah fikiran secara bersendirian melalui penulisan, mereka terlebih dahulu perlu menguasai frasa-frasa asas di samping penguasaan perbendaharaan kata yang berkaitan dengan pengalaman harian. Jikalau pengetahuan tentang unsur-unsur sintaksis mereka terhadap,kebolehan mereka menulis secara bebas dan spontan akan terhalang (Abdul Aziz, 1987: 722).

Penekanan terhadap kemahiran menulis jelas tergambar melalui mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di Malaysia. Tumpuan diberikan terhadap kebolehan pelajar untuk (i) melibatkan diri dalam aktiviti sosial perbualan, perbincangan dan penulisan, (ii) dapat memproses segala maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca dan ditonton untuk digunakan bagi tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan dan (iii) melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan secara kreatif dan berkesan. Justeru, pendidikan Bahasa Melayu KBSM adalah untuk melengkapkan murid dengan ketrampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan urusan harian (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, 2001:2).

Antara aspek atau ciri kemahiran menulis yang seharusnya dicapai oleh murid sekolah menengah melalui pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, 2001:2) ialah seperti berikut:

- i. menulis ayat dan perenggan secara mekanis dengan tulisan tangan yang jelas dan kemas
- ii. melengkapkan perenggan dengan kata, frasa, ungkapan dan peribahasa
- iii. menyusun perenggan mengikut urutan isi karangan
- iv. membina ayat yang betul, tepat, gramatis dan indah

- v. membina ayat-ayat dalam perenggan untuk menghasilkan karangan.
- vi. menulis surat kiriman rasmi, tidak rasmi dan juga pengumuman, berita, dialog, laporan, teks ucapan, minit mesyuarat dan skrip drama.
- vii. menghasilkan penulisan kreatif yang mencakup jenis karangan keperihalan, fakta, cereka atau imaginasi dan perbincangan.

Ciri-ciri kemahiran menulis ini perlu dikuasai oleh pelajar agar mereka dapat melahirkan penulisan yang berkualiti. Dalam konteks ini, guru berperanan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan agar pelajar dapat menulis dengan baik.

Di samping itu, menurut Loban (dalam Abdul Hamid Ahmad:1998) karangan adalah sejenis gerak kerja penting dalam semua peringkat program pendidikan bahasa. Kemahiran menulis merupakan tingkat tertinggi kemahiran bahasa adalah kemahiran lanjutan bahasa setelah pelajar dapat menguasai kemahiran mendengar, bertutur dan membaca. Antara keempat-empat kemahiran itu, kemahiran menulis merupakan kemahiran bahasa yang paling akhir diajar, iaitu setelah para pelajar menguasai kemahiran bertutur, mendengar dan membaca dan juga merupakan kemahiran paling sukar diajar dan dinilai.

Mengarang bukanlah merupakan suatu kemahiran yang mudah dipelajari kerana proses untuk menghasilkan bahan penulisan bukan merupakan satu proses yang spontan. Proses ini memerlukan latihan mental supaya murid-murid dapat berfikir dan kemudian mencatatkan ayat-ayat bagi menggambarkan fikiran mereka. Di samping itu, mereka juga perlu menyusun ayat-ayat bagi menggambarkan fikiran mereka supaya menjadi satu kesatuan fikiran atau pendapat (Juriah et al, 1990:188)

Dalam pengajaran di bilik darjah, menulis setidak-tidaknya akan melibatkan aktiviti melahirkan pendapat, perasaan dan ingatan. Menulis dapat juga membantu pengajaran dan pembelajaran dalam menentukan pemerolehan maklumat balik. Menulis juga dapat membantu dalam perkembangan penulisan kreatif, memenuhi

kehendak peperiksaan dan membantu mata pelajaran lain. Abdullah Sani (1994: 18) menegaskan bahawa secara nyata menulis itu mengandungi tiga unsur terbesar, iaitu grafalogi, bahasa yang berstruktur dan kosa kata yang dipraktikkan secara teratur. Chicago Breasted (dalam Abdullah Sani, 1994: 19) berpendapat bahawa penulisan dapat menaikkan martabat manusia kerana setiap prestasi keintelektualan adalah kerjaya manusia.

Bagi menghasilkan penulisan yang berkualiti, jelas dan menarik, aspek-aspek penting, iaitu isi, penyusunan dan gaya bahasa perlu diambil kira dalam menghasilkan sesebuah karangan. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan perlu dilaksanakan dengan berkesan agar penulisan yang berkualiti dapat dihasilkan.

1.2 Permasalahan Kajian

Komunikasi tulisan memainkan peranan yang penting berbanding komunikasi lisan. Pemerolehan dan penyebaran ilmu amat bergantung kepada bahan bertulis (Awang Sariyan, 2007 :7). Di samping itu, kemahiran menulis dianggap sebagai kemahiran bahasa paling penting yang perlu dipelajari. Kedua-dua kemahiran asas bahasa, iaitu pertuturan dan penulisan dianggap sebagai kemahiran menghasil dan menyampaikan komunikasi dan antara kedua-dua kemahiran ini, menulis lebih sukar dari segi pengajaran dan penguasaannya (Abd Aziz Abdul Talib, 1993:118). Pandangan-pandangan ini turut disokong oleh Ann Raimes (1983:5) yang menegaskan bahawa :

When we look at these differences, we can see that our students will not just “pick up” writing as they learn other language skills. We have to teach writing...”

Pendapat ini menekankan bahawa sebelum seseorang pelajar boleh menghasilkan sesuatu karya penulisan yang baik (karangan, laporan, esei dan lain-lain), terdapat beberapa kemahiran sampingan yang perlu dipelajari dan diketahui.

Di samping itu, kemahiran menulis sangat penting dalam dunia moden. Misalnya, di sekolah kemahiran menulis diperlukan dan diuji secara formal atau tidak formal melalui subjek bahasa Melayu dan mata pelajaran lain yang memerlukan pelajar menggunakan kemahiran menulis bagi menjawab soalan jenis esei. Keperluan kemahiran menulis ini memangnya disedari oleh pendidik bahasa. Melalui sukatan pelajaran bahasa Melayu (dari sekolah rendah hingga ke menengah) pelajar didedahkan dengan pelbagai bentuk penulisan seperti penulisan karangan. Oleh sebab kemahiran menulis amat penting dalam alam persekolahan dan dunia sosial, maka aspek pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan wajar diberi penekanan agar pelajar benar-benar dapat menghasilkan penulisan yang berkualiti. Menurut Abdul Aziz Abdul Talib (1993: 121), pendekatan dan kaedah pengajaran penulisan hendaklah sistematik dan membina asas yang kukuh tentang pelbagai subkemahiran penting yang berkaitan dengan kemahiran tersebut. Program pengajaran kemahiran menulis seharusnya dirancang secara logik dan sistematik dari peringkat persekolahan rendah hingga ke menengah agar dapat melahirkan pelajar-pelajar yang mampu menulis dengan baik dan berkesan.

Dalam konteks pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), guru juga seharusnya melakukan penerapan nilai murni, dan penggunaan bahan yang merentas pelbagai disiplin dalam proses pengajaran. Pengajaran bahasa Melayu yang tidak menekankan penggabungan menyumbang ke arah kelemahan pencapaian pelajar dalam penulisan bahasa Melayu. Sebagai kemahiran literasi yang tertinggi, penulisan memerlukan sokongan daripada kecekapan mendengar,

berinteraksi lisan, membaca dan berfikir untuk wujud dengan teguh lagi mantap. Sekiranya kemahiran-kemahiran literasi berkenaan (atau sebahagian daripadanya) tidak dijalankan serentak dalam satu-satu sesi pengajaran, diajarkan sebagai entiti yang tersendiri yang tidak menggambarkan perkaitan yang saling melengkapi dan bergantung, pengajaran penulisan karangan tidak akan berkesan. Kedua-dua aspek tersebut perlu digabungkan dan dimanipulasi untuk membolehkan pelajar menghasilkan penulisan yang berkualiti (Roselan Baki, 2003: 2).

Dalam konteks peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), kelemahan dalam penulisan boleh menjejaskan pencapaian keseluruhan pelajar dalam Kertas Bahasa Melayu. Kegagalan pelajar memperoleh sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, menyebabkan mereka tidak layak memperoleh sijil SPM. Menurut Awang Sariyan (dalam Roselan Baki, 2003: 2)), pada tahun 1980, 5,000 pelajar Melayu, gagal memperoleh pangkat satu kerana tidak memperoleh kepujian dalam bahasa Melayu. Keadaan ini sukar dipercayai kerana pelajar Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan sehari-harian mereka, dan jika faktor dialek menjadi puncanya, adakah pelajar-pelajar yang terlibat datang dari negeri-negeri yang kuat mengamalkan dialek sahaja. Sekiranya tidak, adakah amalan pengajaran dan pembelajaran penulisan bahasa Melayu yang berlaku dalam bilik darjah boleh dikecualikan daripada menjadi penyumbang kepada peristiwa tersebut? Masalah ini berterusan hingga kini kerana ramai penduduk Malaysia yang mempunyai ijazah dan diploma tidak boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dengan baik (The Star, 2000, 4).

Kelemahan pelajar dalam penulisan mempunyai hubungan dengan soal bagaimana guru mengamalkan interaksi lisan dalam proses pengajaran yang dilakukan. Oleh itu, guru seharusnya memiliki pengetahuan kandungan, pengetahuan

am, kemahiran pedagogi dan sikap yang menggalakkan pembelajaran agar pengajaran mereka berkesan (Syed Lutfi Syed Hamzah, 1994: 8). Tanpa pengetahuan yang berkaitan, guru tidak mampu untuk merancang pengajaran mereka dengan berkesan lalu menyebabkan kaedah pengajaran dan pembelajaran tidak berkesan (Azman Wan Chik, 1989: 211).

Selain itu, guru juga beranggapan bahawa penulisan sebagai mata pelajaran yang abstrak dan tidak boleh dihafal. Keadaan ini memberikan justifikasi terhadap pengajaran yang abstrak dan tidak boleh dihafal, yang dilaksanakan melalui penerangan-penerangan umum yang sukar difahami oleh pelajar kerana tiada prinsip dan prosedur khusus yang boleh menjadi pegangan. Kekaburan penerangan guru turut melambangkan kekaburan pengetahuan dan kemahiran guru tentang bidang penulisan. Hal ini disokong oleh kenyataan Roselan Baki (2003 : 5) yang menjelaskan bahawa pengetahuan guru tentang bidang penulisan sebenarnya kurang mantap, lalu kandungan pengajaran hanya mencakup sebahagian kecil ilmu penulisan sahaja, dengan sebahagian besar kandungan pelajaran merupakan aspek-aspek umum tentang penulisan, keperluan peperiksaan dan ciri-ciri penulisan yang baik berasaskan pertimbangan logik semata-mata.

Di samping itu, walaupun guru beranggapan bahawa penulisan bersifat abstrak dan tidak boleh dihafal, pada masa yang sama mereka juga menganggap penulisan sebagai kemahiran yang tidak begitu sukar. Pelajar hanya perlu mencari lima isi, menghuraikannya dengan jelas, dengan menggunakan bahasa dan organisasi yang baik dalam penulisan mereka. Proses pembelajaran penulisan karangan menjadi semakin lancar sekiranya pelajar lebih gemar membaca bahan-bahan bacaan yang membekalkan pengetahuan am dan semasa yang dapat membekalkan isi penulisan. Namun begitu, guru tidak mengajarkan pula strategi untuk menghuraikan isi-isi

tersebut. Pelajar tidak diajarkan pembinaan ayat-ayat huraian untuk menyokong isi menggunakan keterangan, contoh statistik, ungkapan, peribahasa, metafora, analogi dan analisis sebab-akibat (Roselan Baki, 2003: 4). Jelasnya, dapat dikatakan bahawa strategi pengajaran guru penting dalam memastikan pelajar-pelajar dapat menghasilkan penulisan karangan yang berkualiti. Berlandaskan permasalahan yang diutarakan, kajian ini berhasrat meninjau keberkesanan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan dalam meningkatkan kualiti karangan pelajar menengah atas.

1.3 Objektif Kajian

Antara objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menyenarai masalah-masalah pelajar dalam pembelajaran penulisan karangan.
2. Membuktikan keberkesanan teknik pengajaran yang berkesan dalam meningkatkan kualiti karangan pelajar.
3. Mencadangkan aktiviti pengajaran penulisan karangan yang berkesan.

1.4 Soalan-soalan Kajian

Adalah diharapkan kajian ini dapat menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah masalah-masalah pelajar dalam pembelajaran penulisan karangan?
2. Apakah teknik pengajaran yang berkesan dalam meningkatkan kualiti karangan pelajar?
3. Apakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan yang berkesan?

1.5 Hipotesis Kajian.

1. Terdapat hubungan yang signifikan antara kekerapan latihan dengan peningkatan kualiti karangan.
2. Terdapat hubungan yang signifikan antara teknik pengajaran yang digunakan oleh guru dengan pencapaian pelajar.

1.6 Kepentingan Kajian

Berlandaskan permasalahan kajian tersebut, maka penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan dengan kualiti penulisan karangan perlu dilaksanakan bagi melihat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan dalam kalangan pelajar menengah atas. Kajian ini diharapkan dapat:

- i. memberi serba sedikit sumbangan kepada pengajaran dan pembelajaran karangan di sekolah secara keseluruhan.
- ii. menjadi pedoman kepada guru-guru untuk menggunakan aktiviti pengajaran yang berkesan bagi meningkatkan kualiti karangan pelajar.
- iii. memberi pengetahuan kepada guru-guru akan masalah pelajar dalam pembelajaran penulisan karangan.
- iv. Memberi sedikit panduan kepada pihak penggubal kurikulum, bahagian latihan guru serta pengkaji dan penyelidik yang lain, bagi meneruskan penyelidikan lanjutan dalam bidang berkaitan.

Pendekatan pengajaran penulisan karangan yang sesuai amat berguna kepada pelajar-pelajar yang menghadapi masalah untuk memulakan atau mengeluarkan idea-

idea asli. Penguasaan kemahiran menulis penting kerana akan membantu para pelajar melahirkan fikiran, menyatakan hujah, idea dan fikiran secara jelas, sistematik dan berkesan.

Penemuan-penemuan melalui penyelidikan ini diharapkan dapat membantu para guru merencanakan aktiviti yang berkesan dalam pengajaran penulisan karangan.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada;

1. Pelajar-pelajar menengah atas di tingkatan empat dan lima di salah sebuah sekolah di Daerah Larut Matang dan Selama.
2. Kajian hanya memberi gambaran ringkas tentang keberkesanan pengajaran guru dalam meningkatkan penulisan karangan berkualiti.
3. Kebolehpercayaan kajian ini bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab item-item dalam soal selidik yang dikemukakan.
4. Kajian ini hanya menggunakan instrumen soal selidik dan borang data yang diedarkan kepada guru-guru sahaja.

1.8 Definisi Istilah

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa istilah kajian yang bakal dikaji.

1.81 Pengajaran Penulisan Karangan

Pengajaran penulisan menurut Roselan Baki (2003: 40) ialah proses memberi pengetahuan, iaitu maklumat, fakta dan strategi mengarang kepada pelajar atau proses menyampaikan ilmu kepada pelajar. Pengajaran penulisan juga merupakan latihan supaya pelajar dapat menggunakan fakta, dan kemahiran penulisan yang diajarkan dalam karangan mereka.

1.8.2 Kualiti Karangan.

Kualiti mengikut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998: 170), adalah satu konsep atau gagasan yang menggambarkan mutu, nilai, ciri-ciri atau sifat sesuatu benda. Karangan yang bermutu, jelas dan menarik mementingkan tiga perkara, iaitu isi, penyusunan dan gaya bahasa. Penulisan yang berkualiti semestinya mempunyai isi yang cukup, idea pokok dinyatakan dengan jelas serta disokong pula dengan butir-butir yang konkrit dan bersabit. Dalam aspek penyusunan karangan, tema seharusnya dapat dikembangkan secara teratur, perenggan bersepadu serta idea terjalin dengan licin dan teratur. Manakala dalam aspek bahasa pula, penilaian dibuat berdasarkan pembinaan ayat yang gramatis, bersepadu, berkesan serta mempunyai kepelbagaian gaya. Perkataan dipilih secara berkesan, tepat, jelas dan menarik (Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan,1993).

1.8.3 Pelajar Menengah Atas

Pelajar menengah atas ialah pelajar-pelajar yang berada di tingkatan empat dan tingkatan lima. Mereka akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, melalui agensinya, iaitu



Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Umur mereka adalah antara 16 hingga 17 tahun dan menjadi pelajar di sekolah bantuan penuh kerajaan. Dari segi kebolehan berbahasa, mereka telah mencapai kematangan berbahasa yang sesuai dengan umur mereka.

